

23/08/1998

Resipi Saleha mendidik anak

Raihanah Abdullah

SEORANG ibu wajar mendidik anak sepenuh masa, terutama sejak anak dilahirkan sehingga mereka berusia tujuh tahun. Tempoh itu penting kerana anak memerlukan kasih sayang ibu.

"Bagaimanapun, jika anak semakin membesar, ibu boleh bekerja dan melakukan kerja kebajikan," kata Datuk Paduka Saleha Mohd Ali.

Kakak ipar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu terbabit dalam 20 pertubuhan kebajikan dan begitu aktif saban hari walaupun wanita lain seusianya lebih mementingkan istirahat.

Beliau adalah Pengerusi Sekolah Pekak Selangor, Pengerusi Persatuan Kanak-kanak Spastik dan Kurang Upaya, Pengerusi Eksekutif Institut Help, Pengerusi Kumpulan Genting View Resort dan Penasihat Institut Kepimpinan dan Strategik Asia (ASLI).

Dilahirkan pada 29 Januari 1923, Saleha mempunyai resipi tersendiri mendidik tiga anak lelaki - Zahedi, 43; Zabidi, 42; dan Zahari, 40 - hasil perkongsian hidup dengan arwah suaminya, Mohd Zain Ahmad.

Suaminya meninggal dunia pada 1980 kerana serangan strok dan beliau terasa kehilangan itu apabila anak-anaknya kembali ke luar negara untuk menyambung pelajaran.

Bagi menghilangkan kerisauan, Saleha menunaikan umrah dan kembalinya ke tanah air, beliau berasa lebih tenang.

Beliau yang lebih senang membahaskan dirinya makcik atau auntie berkahwin dengan Mohd Zain pada 1953 tidak pernah menjentik ketiga-tiga anaknya dan lebih banyak bersabar dan memberi sepenuh perhatian terhadap mereka.

"Jika kita memberi tumpuan kepada anak, auntie tidak fikir mereka menunjukkan sikap nakal yang keterlaluan. Ayah dan ibu auntie sendiri tidak pernah memukul anak dan auntie lihat cara didikan mereka berkesan.

"Auntie lebih banyak mencontohi sikap ibu bapa yang sentiasa lembut dan tidak bercakap kasar dengan anak-anak. Jika ada yang tidak kena, katakan saja anak bertuah kepada mereka.

"Ibu bapa jangan sekali-kali tunjukkan sikap kasar kepada anak kerana bimbang nanti menjadi ikutan mereka. Auntie gembira kerana mempunyai anak-anak yang baik dan tidak banyak kerenah," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Saleha sendiri lebih banyak menghabiskan masa di rumah mendidik anak-anak dan tidak bekerja ketika mereka masih kecil walaupun beliau berkelulusan tinggi.

"Setiap masa auntie ada di rumah bersama anak-anak. Mungkin juga disebabkan sebahagian besar masa auntie di rumah, mereka tidak terlalu nakal," katanya.

Bagaimana pula jika ibu terpaksa bekerja untuk menampung keperluan keluarga, sekali gus meringankan bebanan suami?

"Bagi ibu yang bekerja, luangkan masa sekurang-kurangnya satu jam setiap hari bersama anak. Gunakan sepenuh masa itu untuk bersama mereka, mengajar dan mendidik.

"Apa yang lebih penting ialah kita pandai mencari masa yang sesuai untuk mengajar anak. Tidak semestinya apabila kita seharian di rumah, kita mampu menguruskan mereka dengan sempurna.

"Justeru, pilih waktu yang difikirkan sesuai untuk bersama mereka pada setiap hari bagi memastikan anak-anak tidak berasa tersisih walaupun ibunya terpaksa bekerja," katanya.

Anak ketiga daripada 10 adik beradik kepada pasangan Mohd Ali Taib dan Khadijah Ahmad itu adalah lulusan ekonomi dari England dan pernah memperoleh Diploma Pembinaan dan Bangunan ketika mengikut anak bongsunya ke London.

Saleha menamatkan zaman persekolahannya ketika berusia 17 tahun tetapi ketika itu kerajaan hanya menghantar pelajar ke luar negara selepas berusia 18 tahun. Justeru selepas tempoh itu, beliau membabitkan diri dalam pertubuhan sosial.

Selepas perang tamat, Saleha dipilih sebagai gadis Melayu pertama melanjutkan pelajaran ke England melalui biasiswa kerajaan. Selepas menamatkan pengajian, beliau menjawat jawatan pegawai jabatan kebajikan.

Beliau yang kelihatan seronok apabila bercerita mengenai anak, menantu dan cucu, sering melawat mereka setiap kali kelapangan.

"Dua daripada anak auntie ada di Kuala Lumpur, seorang lagi di Pulau Pinang. Cucu pertama pula ada di Adelaide, Australia. Jika ada waktu lapang, auntie akan melawat mereka, begitu juga anak menantu.

"Hubungan auntie dengan menantu juga rapat, Fadzilah, Anita dan Noraini tidak ubah seperti anak sendiri. Alhamdulillah, auntie dapat menantu yang baik-baik, kadangkala menantu lebih rapat dengan auntie berbanding anak sendiri.

"Auntie rapat dengan cucu. Jika ke Pulau Pinang, mereka berebut-rebut hendak tidur dengan auntie. Kadangkala sampai bertengkar kerana semuanya berlumba-lumba menunggu giliran tidur dengan auntie.

"Cucu-cucu memang manja dengan auntie dan jika tidak berjumpa seminggu, auntie rindu pada mereka.

"Jika di Kuala Lumpur, senang hendak jengok tetapi di Pulau Pinang sukar sedikit, sebab agak jauh. Tambahan pula, auntie sentiasa sibuk dengan tugas dan kadangkala terpaksa menghadiri mesyuarat," katanya.

Bagaimanapun, beliau berpendapat, seorang nenek tidak seharusnya terlalu rapat dan memanjakan cucu kerana bimbang hubungan akrab itu boleh merosakkan fikiran dan hati apabila orang tersayang menyahut seruan Ilahi.

"Bukan tidak boleh sayang atau rapat dengan cucu tetapi bagi auntie jangan terlampau rapat kerana apabila nenek tiada lagi, cucu boleh mengalami tekanan perasaan kerana kehilangan itu.

"Perkara seumpama itu berlaku dan lebih kasihan ialah cucu itu sendiri kerana mereka kadangkala sukar menerima kenyataan apabila kehilangan orang paling rapat dan disayangi," katanya.

(END)